



LAPORAN SOAL SELIDIK KEMPEN UNDI18

DISEDIAKAN OLEH :

Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang



ISI KANDUNGAN

PENGENALAN	2
KEMPEN UNDI18	3
OBJEKTIF	4
KUMPULAN SASARAN	5
METODOLOGI KAJIAN	5
ANALISIS RESPONDEN	6
Kelayakan Responden	
Kumpulan Umur Responden	
Kawasan DUN Responden	
ANALISIS KAJIAN	9
Pernahkah anda mengundi?	
Pernahkah anda menyemak status pemilih anda?	
Adakah anda menyedari umur 18 sudah boleh mengundi?	
Adakah anda menyedari tentang pendaftaran secara automatik (PPSA)?	
Adakah anda berminat untuk mengetahui tentang sistem pengundian di Malaysia?	
Analisis Antara Kumpulan Umur Responden Dengan Peratusan Pengundian di Pilihan Raya	
Analisis Antara Kumpulan Umur Responden Dengan Peratusan Semakan Status Pemilih	
Analisis Antara Kumpulan Umur Responden Dengan Kesedaran Umur 18 Tahun Boleh Mengundi	
Analisis Antara Kumpulan Umur Responden Dengan Kesedaran Pendaftaran Pemilih Secara Automatik (PPSA)	
Analisis Antara Kumpulan Umur Responden Dengan Minat atas Pengetahuan Sistem Pengundian di Malaysia	
RUMUSAN	20
LAMPIRAN A - PERINCIAN SOAL SELIDIK	I
LAMPIRAN B - HASIL ANALISIS SOAL SELIDIK SPSS	III

PENGENALAN

Rang Undang-undang Pindaan Perlembagaan bagi Undi18 telah diluluskan di Dewan Rakyat pada 16 Julai 2019 dan Dewan Negara pada 25 Julai 2019.

Pindaan tersebut merangkumi:

- i) Perkara 119(1) Perlembagaan Persekutuan untuk menurunkan had kelayakan umur pengundi dari usia 21 tahun kepada 18 tahun;
- ii) Perkara 47 dan Seksyen 5 Jadual Kelapan Perlembagaan Persekutuan untuk menurunkan had kelayakan umur menjadi calon Parlimen daripada usia 21 tahun kepada 18 tahun; dan
- iii) Perkara 119(4) Perlembagaan Persekutuan untuk melaksanakan Pendaftaran Pemilih Secara Automatik (PPSA).

Tujuan pindaan ini adalah untuk memberi peluang, ruang, dan suara kepada anak-anak muda untuk sama-sama berganding bahu mencorakkan demokrasi negara melalui pilihan raya.

Pelaksanaan soal selidik ini adalah untuk mengetahui tahap kesedaran dan kefahaman golongan belia di Pulau Pinang mengenai pelaksanaan Undi18.


KEMPEN UNDI18



"Kempen Undi18" telah dilancarkan oleh Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang (PYDC) pada 22 April 2022, dan secara rasminya dilancarkan pada 15 Mei 2022 sempena Sambutan Hari Belia 2022 di Stadium Negeri Pulau Pinang Batu Kawan.

Kempen ini adalah satu kempen umum yang bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dalam kalangan golongan belia yang akan terlibat dalam pilihan raya.

Secara keseluruhan, PYDC telah mengadakan 79 sesi Jelajah Kempen Undi18 dari tarikh 27 April 2022 sehingga 17 November 2022.





OBJEKTIF

- Mengumpul kefahaman golongan belia mengenai pelaksanaan Undi18;
- Meningkatkan kesedaran sivik antara golongan belia di Pulau Pinang dan membuka ruang bagi rakyat, terutamanya belia, untuk menilai, bersuara, dan memilih wakil rakyat dan kerajaan walaupun pada usia seawal 18 tahun;
- Menggalakkan golongan muda untuk mengundi dalam pilihan raya, dengan memastikan peratusan pengundian di Pulau Pinang tetap tinggi selepas pelaksanaan Pendaftaran Pemilih Secara Automatik (PPSA);
- Memberi pendedahan mengenai proses dan sistem pilihan raya di Malaysia kepada golongan belia supaya memahami kehendak dan pemikiran anak muda generasi baharu.

KUMPULAN SASARAN

Soal selidik ini tersasar kepada golongan belia yang berumur 15 - 35 tahun.


METODOLOGI KAJIAN

- Borang soal selidik telah diedarkan melalui kaedah digital dan dicetak.
- Borang tersebut telah diedarkan sepanjang tempoh kempen semasa jelajah di seluruh Pulau Pinang.
- Perincian borang soal selidik adalah seperti yang dilampirkan di Lampiran B.

ANALISIS RESPONDEN

Sepanjang tempoh kajian ini dilaksanakan, seramai 5,454 responden telah berjaya dikumpulkan. Kajian telah melibatkan 4,042 (74.1%) responden yang memenuhi kelayakan kajian, iaitu golongan belia yang berumur 15 - 35 tahun, manakala 1,412 responden yang melebihi usia 35 tahun (25.9%) akan dikeluarkan daripada kajian tersebut.


KELAYAKAN RESPONDEN



Rajah 1.1 : Kelayakan Umur Responden



KUMPULAN UMUR RESPONDEN




Rajah 1.2 : Kumpulan Umur Responden

Berdasarkan Rajah 1.2, kumpulan umur responden terdiri daripada 4 kategori, iaitu kumpulan umur 15 tahun hingga 18 tahun, 19 tahun hingga 25 tahun, 26 tahun hingga 30 tahun, dan 31 tahun hingga 35 tahun.

Kebanyakan responden terdiri daripada belia yang berumur antara 19 tahun hingga 25 tahun, iaitu seramai 2,160 responden (53.4%) dan kumpulan yang paling sedikit ialah belia yang berumur 31 tahun hingga 35 tahun, iaitu seramai 358 responden (8.9%). Manakala golongan yang berumur 15 - 18 tahun adalah seramai 1,028 responden (25.4%) dan golongan yang berumur 26 - 30 tahun adalah seramai 496 responden (12.3%)

KAWASAN DUN RESPONDEN



Rajah 1.3 : Kawasan DUN Responden

Daripada 4,042 responden yang layak, hanya 2,651 responden memberi maklumat mengenai kawasan DUN mereka. Kawasan DUN yang mempunyai jumlah responden tertinggi adalah Bayan Lepas adalah seramai 312 responden (11.8%), diikuti dengan Seberang Jaya seramai 181 responden (6.8%). Manakala kawasan Padang Kota mencatatkan bilangan responden yang paling rendah iaitu seramai 12 responden (0.5%)

ANALISIS KAJIAN


Kajian ini telah mengemukakan 5 soalan dengan 2 pilihan jawapan iaitu 'Ya' atau 'Tidak' untuk dijawab oleh responden. Soalan-soalan yang ditanya adalah:

1. Pernahkah anda mengundi?
2. Pernahkah anda menyemak status pemilih anda?
3. Adakah anda menyedari umur 18 tahun sudah boleh mengundi?
4. Adakah anda menyedari tentang Pendaftaran Pemilih Secara Automatik (PPSA)?
5. Adakah anda berminat untuk mengetahui tentang sistem pengundian di Malaysia?

Analisis kajian dilakukan dengan menganalisis peratusan kefahaman setiap soalan oleh kesemua responden secara umum diikuti analisis peratusan kefahaman setiap soalan mengikut pecahan kumpulan umur.

ANALISIS KAJIAN

PERNAHKAH ANDA MENGUNDI?




Rajah 2.1 : Hasil Peratusan Pengalaman Pengundian dalam Pilihan Raya

Berdasarkan data yang ditunjukkan dalam Rajah 2.1, majoriti responden tidak pernah mengundi dalam pilihan raya iaitu seramai 3,126 responden (77.3%) manakala selebihnya pernah mengundi dalam pilhan raya seramai 916 responden (22.7%).

ANALISIS KAJIAN

PERNAHKAH ANDA MENYEMAK STATUS PEMILIH ANDA?




Rajah 2.2 : Hasil Peratusan Semakan Status Pemilih

Berdasarkan Rajah 2.2, didapati bahawa majoriti responden tidak pernah menyemak status pemilih untuk mengetahui informasi pengundi masing-masing iaitu seramai 2,363 responden (58.5%) sementara 1,679 responden (41.5%) pernah menyemak status pemilih mereka.

ANALISIS KAJIAN

ADAKAH ANDA MENYEDARI UMUR 18 TAHUN SUDAH BOLEH MENGUNDI?



Rajah 2.3 : Hasil Peratusan Kesedaran Umur 18 Tahun Boleh Mengundi

Daripada Rajah 2.3, majoriti daripada responden menyedari bahawa warga berumur 18 tahun kini boleh mengundi dalam pilihan raya iaitu seramai 3,415 responden (84.5%). Hanya 627 responden (15.5%) yang tidak mengetahui tentang pindaan tersebut. Jurang perbezaan jawapan bagi soalan ini adalah yang paling besar daripada kelima-lima soalan disediakan.

ANALISIS KAJIAN

ADAKAH ANDA MENYEDARI TENTANG PENDAFTARAN PEMILIH SECARA AUTOMATIK (PPSA)?




Rajah 2.4 : Hasil Peratusan Kesedaran Pendaftaran Pemilih Secara Automatik (PPSA)

Berkaitan kesedaran tentang Pendaftaran Pemilih Secara Automatik (PPSA), daripada Rajah 2.4, seramai 1,945 responden (48.1%) sedar tentang PPSA sementara 2,097 responden (51.9%) tidak sedar tentang PPSA.

Walaupun pelaksanaan penurunan umur mengundi dan pendaftaran automatik dikuatkuasakan pada masa yang sama, kefahaman golongan belia mengenai PPSA hampir seimbang.

ANALISIS KAJIAN

ADAKAH ANDA BERMINAT MENGETAHUI TENTANG PENGUNDIAN DI MALAYSIA? UNTUK SISTEM




Rajah 2.5 : Hasil Peratusan Minat Tentang Sistem Pengundian di Malaysia

Berdasarkan Rajah 2.5, hampir tiga suku daripada kesemua responden yang layak, iaitu seramai 2,993 responden (74%) menunjukkan minat mereka terhadap sistem pengundian di Malaysia sementara 1,049 responden (26%) tidak menunjukkan minat yang sama.

Data ini mencerminkan kesedaran dan keinginan yang semakin meningkat untuk memahami sistem pemilihan di Malaysia.

ANALISIS KAJIAN

ANALISIS ANTARA KUMPULAN UMUR RESPONDEN DENGAN PERATURAN PENGUNDIAN DI PILIHAN RAYA




Rajah 2.6 : Hubungan Antara Kumpulan Umur dengan Peraturan Pengundian di Pilihan Raya

Berdasarkan Rajah 2.6, boleh diperhatikan bahawa majoriti daripada golongan belia yang berumur 19 - 25 tahun, iaitu 1,989 responden (92.1%) tidak pernah mengundi dalam pilihan raya. Golongan tersebut merupakan pengundi pertama kali dalam Pilihan Raya Umum ke-15 selepas pelaksanaan Undi18.

Manakala untuk golongan belia yang berumur 26 - 30 tahun, seramai 358 responden (72.2%) pernah mengundi dalam pilihan raya sebelum ini. Golongan belia berumur 31 - 35 tahun pula telah mencatatkan seramai 318 responden (88.8%) yang pernah keluar mengundi.

ANALISIS KAJIAN

ANALISIS ANTARA KUMPULAN UMUR RESPONDEN DENGAN PERATUSAN SEMAKAN STATUS PEMILIH




Rajah 2.7 : Hubungan Antara Kumpulan Umur dengan Peratusan Semakan Status Pemilih

Daripada Rajah 2.7, hasil bagi hubungan antara kumpulan umur dengan peratusan semakan status pemilih turut menghasilkan trend yang sama, di mana majoriti daripada golongan belia yang berumur 15 - 18 tahun iaitu seramai 915 responden (89%), dan belia yang berumur 19 - 25 tahun iaitu seramai 1,265 responden (58.6%), tidak pernah menyemak status pemilih mereka. Sebaliknya, daripada kumpulan umur 19 - 25 tahun, seramai 895 responden (41.4%) telah menyemak status pemilih mereka.

Manakala untuk golongan belia yang berumur 26 - 30 tahun dan 31 - 35 tahun telah merekodkan peratusan yang lebih kurang sama dengan hasil peratusan pengundi, di mana untuk belia yang berumur 26 - 30 tahun mencatatkan 366 responden (73.8%) dan 305 responden (85.2%) untuk kumpulan umur 31 - 35 tahun yang pernah menyemak status pemilih mereka.

ANALISIS KAJIAN

ANALISIS ANTARA KUMPULAN UMUR RESPONDEN DENGAN KESEDARAN UMUR 18 TAHUN BOLEH MENGUNDI




Rajah 2.8 : Hubungan Antara Kumpulan Umur dengan Kesedaran Umur 18 Tahun Boleh Mengundi

Seperti yang dinyatakan sebelum ini, sebanyak 84.5% daripada kesemua responden menyedari bahawa umur mengundi baharu adalah 18 tahun. Berdasarkan Rajah 2.8, setiap kumpulan umur turut mencatatkan kesedaran tentang perubahan ini sekurang-kurangnya pada kadar 75%.

Kumpulan umur 31 - 35 tahun mencatatkan peratusan kesedaran yang paling tinggi seramai 337 responden (94.1%) diikuti dengan kumpulan umur 26 - 30 tahun mencatatkan peratusan kesedaran seramai 456 responden (91.9%). Golongan belia berumur 15 - 18 tahun mencatatkan peratusan kesedaran seramai 781 responden (76%) manakala kumpulan umur 19 - 25 tahun mencatatkan seramai 1,841 responden (85.2%).

ANALISIS KAJIAN

ANALISIS ANTARA KUMPULAN UMUR RESPONDEN DENGAN KESEDARAN PENDAFTARAN PEMILIH SECARA AUTOMATIK (PPSA)




Rajah 2.9 : Hubungan Antara Kumpulan Umur dengan Kesedaran Pendaftaran Pemilih Secara Automatik (PPSA)

Berdasarkan Rajah 2.9, boleh diperhatikan bahawa jurang hasil kajian adalah amat rapat, kecuali golongan belia yang berumur 15 - 18 tahun terdapat di mana 728 responden ataupun 70.8% daripada mereka yang tidak menyedari tentang pelaksanaan PPSA.

Di samping itu, golongan belia yang berumur 19 - 25 tahun mencatatkan seramai 1,124 responden (52%) yang menjawab 'Ya' dan 1,036 responden (48%) yang menjawab 'Tidak' apabila ditanya jika mereka sedar tentang PPSA. Bagi yang berumur 26 - 30 tahun dan 31 - 35 tahun masing-masing pula merekodkan jawapan 'Ya' seramai 287 responden (57.9%) dan 234 responden (65.4%).

ANALISIS KAJIAN

ANALISIS ANTARA KUMPULAN UMUR RESPONDEN DENGAN MINAT ATAS PENGETAHUAN SISTEM PENGUNDIAN DI MALAYSIA



Rajah 2.10 : Hubungan Antara Kumpulan Umur dengan Minat atas Pengetahuan Sistem Pengundian di Malaysia

Berdasarkan Rajah 2.10, secara umumnya, peratusan responden yang berminat atas pengetahuan sistem pengundian di Malaysia adalah meningkat mengikut urutan kumpulan umur.

Golongan belia yang berumur 15 - 18 tahun mencatatkan seramai 596 responden (58%) yang berminat dengan pengetahuan sistem pengundian di Malaysia, diikuti dengan kumpulan umur 19 - 25 tahun seramai 1,684 responden (78%), kumpulan umur 26 - 30 tahun seramai 405 responden (81.7%), dan kumpulan umur 31 - 35 ahun seramai 308 responden (86%).

RUMUSAN

Sebagai rumusan, kajian soal selidik ini telah dijalankan hampir 7 bulan, bermula daripada bulan April 2022 sehingga tempoh Pilihan Raya Umum ke-15 pada bulan November 2022. Jumlah 5,454 responden telah berjaya dikumpulkan dan 4,042 responden sahaja yang memenuhi kelayakan untuk kajian tersebut.

Secara amnya, golongan belia yang berumur 15 - 25 tahun merupakan kumpulan majoriti untuk kajian tersebut, di mana seramai 3,188 responden (78.9%) daripada kumpulan ini direkodkan. Kebanyakan daripada kumpulan umur ini merupakan pengundi kali pertama yang bakal melibatkan diri dalam pilihan raya pada November 2023.

Secara positifnya, majoriti daripada responden menyedari tentang pelaksanaan penurunan umur mengundi ke tahun 18, tetapi pelaksanaan Pendaftaran Pemilih Secara Automatik (PPSA) pula tidak begitu diketahui oleh semua lapisan belia terutamanya yang berumur 15 - 20 tahun.

Para belia turut menunjukkan minat mereka untuk terus mengetahui dengan lebih lanjut tentang sistem pengundian di Malaysia melalui soalan terakhir pada borang soal selidik. Justeru, statistik ini membolehkan pihak PYDC untuk membuat perancangan pada masa akan datang.

Cadangan oleh pihak PYDC pada masa sekarang adalah meneruskan pendidikan demokrasi kepada golongan belia. Tujuan cadangan ini adalah untuk mempromosikan kesedaran dan pemahaman yang lebih lanjut tentang nilai demokrasi, penyertaan politik, dan proses pilihan raya di kalangan golongan belia.

Demokrasi adalah lebih daripada sekadar mengundi. Penyertaan belia dalam masyarakat juga sangat penting untuk meningkatkan kesedaran mereka terhadap nilai kewarganegaraan.

LAMPIRAN A

PERINCIAN SOAL SELIDIK MUKA SURAT 1



Soal Selidik Kempen Undi18 *Kempen Undi18 Questionnaire*



Nama
Name

No. Telefon
Contact No.

Alamat Emel
Email Address

Kumpulan Umur
Age Group

15 - 18 tahun

19 - 25 tahun

26 - 30 tahun

31 - 35 tahun

35 tahun ke atas

Tarikh Lahir
D.O.B.

1. Pernahkah anda mengundi?
Have you ever vote?

Ya / Yes

Tidak / No

2. Pernahkah anda menyemak status pemilih anda?
Have you ever check you voter status?

Ya / Yes

Tidak / No

3. Adakah anda menyedari berumur 18 tahun sudah boleh mengundi?
Do you know that 18 years old can vote now?

Ya / Yes

Tidak / No

4. Adakah anda menyedari tentang pendaftaran pemilih secara automatik?
Do you know about Automatic Voter Registration (AVR)?

Ya / Yes

Tidak / No

5. Adakah anda berminat untuk mengetahui tentang sistem pengundian di Malaysia?
Are you interested to know more about voting system in Malaysia?

Ya / Yes

Tidak / No

LAMPIRAN A

PERINCIAN SOAL SELIDIK MUKA SURAT 2

Soal Selidik Kempen Undi18 *Kempen Undi18 Questionnaire*

6. Kawasan DUN

<input type="checkbox"/>	Air Itam
<input type="checkbox"/>	Air Putih
<input type="checkbox"/>	Bagan Dalam
<input type="checkbox"/>	Bagan Jermal
<input type="checkbox"/>	Batu Lancang
<input type="checkbox"/>	Batu Maung
<input type="checkbox"/>	Batu Uban
<input type="checkbox"/>	Bayan Lepas
<input type="checkbox"/>	Berapit
<input type="checkbox"/>	Bertam
<input type="checkbox"/>	Bukit Tambun
<input type="checkbox"/>	Bukit Tengah
<input type="checkbox"/>	Datok Keramat
<input type="checkbox"/>	Jawi
<input type="checkbox"/>	Kebun Bunga
<input type="checkbox"/>	Komtar
<input type="checkbox"/>	Machang Bubuk
<input type="checkbox"/>	Padang Kota
<input type="checkbox"/>	Padang Lalang
<input type="checkbox"/>	Pantai Jerejak

<input type="checkbox"/>	Paya Terubong
<input type="checkbox"/>	Penaga
<input type="checkbox"/>	Penanti
<input type="checkbox"/>	Pengkalan Kota
<input type="checkbox"/>	Perai
<input type="checkbox"/>	Permatang Berangan
<input type="checkbox"/>	Permatang Pasir
<input type="checkbox"/>	Pinang Tunggal
<input type="checkbox"/>	Pulau Betong
<input type="checkbox"/>	Pulau Tikus
<input type="checkbox"/>	Seberang Jaya
<input type="checkbox"/>	Seri Delima
<input type="checkbox"/>	Sungai Acheh
<input type="checkbox"/>	Sungai Bakap
<input type="checkbox"/>	Sungai Dua
<input type="checkbox"/>	Sungai Pinang
<input type="checkbox"/>	Sungai Puyu
<input type="checkbox"/>	Tanjong Bunga
<input type="checkbox"/>	Telok Bahang
<input type="checkbox"/>	Telur Ayer Tawar

LAMPIRAN B

HASIL ANALISIS SOAL SELIDIK SPSS

Case Processing Summary

	Valid		Cases Missing		Total	
	N	Percent	N	Percent	N	Percent
Age Group * Pemah Anda Mengundi?	4042	100.0%	0	0.0%	4042	100.0%
Age Group * Pemah Anda Menyemak Status Status Pilih?	4042	100.0%	0	0.0%	4042	100.0%
Age Group * Kesedaran Undi18	4042	100.0%	0	0.0%	4042	100.0%
Age Group * Kesedaran AVR	4042	100.0%	0	0.0%	4042	100.0%
Age Group * Minat Atas Sistem Pengundian	4042	100.0%	0	0.0%	4042	100.0%

LAMPIRAN B

HASIL ANALISIS SOAL SELIDIK SPSS

Age Group * Pernah Anda Mengundi? Crosstabulation

Count

		Pernah Anda Mengundi?		Total
		Ya	Tidak	
Age Group	15 - 18	69	959	1028
	19 - 25	171	1989	2160
	26 - 30	358	138	496
	31 - 35	318	40	358
Total		916	3126	4042

Age Group * Pernah Anda Menyepak Status Status Pemilih? Crosstabulation

Count

		Pernah Anda Menyepak Status Status Pemilih?		Total
		Ya	Tidak	
Age Group	15 - 18	113	915	1028
	19 - 25	895	1265	2160
	26 - 30	366	130	496
	31 - 35	305	53	358
Total		1679	2363	4042

Age Group * Kesedaran Undi18 Crosstabulation

Count

		Kesedaran Undi18		Total
		Ya	Tidak	
Age Group	15 - 18	781	247	1028
	19 - 25	1841	319	2160
	26 - 30	456	40	496
	31 - 35	337	21	358
Total		3415	627	4042

LAMPIRAN B

HASIL ANALISIS SOAL SELIDIK SPSS

Age Group * Kesedaran AVR Crosstabulation

Count

		Kesedaran AVR		Total
		Ya	Tidak	
Age Group	15 - 18	300	728	1028
	19 - 25	1124	1036	2160
	26 - 30	287	209	496
	31 - 35	234	124	358
Total		1945	2097	4042

Age Group * Minat Atas Sistem Pengundian Crosstabulation

Count

		Minat Atas Sistem Pengundian		Total
		Ya	Tidak	
Age Group	15 - 18	596	432	1028
	19 - 25	1684	476	2160
	26 - 30	405	91	496
	31 - 35	308	50	358
Total		2993	1049	4042